

[LANGUAGE AND TRANSLATION SKILLS AS CATALYSTS FOR
EMPLOYABILITY OF GRADUATES IN ARABIC STUDIES AND ISLAMIC
CIVILIZATION]

KETERAMPILAN BAHASA DAN TERJEMAHAN SEBAGAI PEMANGKIN
KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENGAJIAN ARAB DAN TAMADUN ISLAM

Siti Maisarah Mohd Zaidi
a193733@siswa.ukm.edu.my
Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Suhaila Zailani @ Hj Ahmad
suzail@ukm.edu.my
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nurul Iman Mohamad Anuar Kamal
nuruliman@ukm.edu.my
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam,
Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohammad Jaber Mustafa Saleh
Mohammad.j@yu.edu.jo
Arabic Program for Speakers of Other Languages (APSOL),
Language Center,
Yarmouk University, Irbid-Jordan

Abstrak

Kajian mengenai kebolehpasaran graduan semakin penting berikutan wujudnya jurang antara pencapaian akademik dengan keperluan sebenar pasaran kerja. Dalam konteks Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam, penguasaan bahasa Arab serta kemahiran terjemahan merupakan antara kompetensi utama yang berpotensi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengenal pasti kursus dan aktiviti berkaitan keterampilan bahasa dan terjemahan yang dilaksanakan bagi memperkukuh kebolehpasaran graduan, di samping menganalisis integrasi antara kurikulum akademik dan aktiviti sokongan dalam pembangunan kemahiran profesional pelajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen yang melibatkan Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), serta laporan aktiviti pembangunan pelajar di peringkat universiti, fakulti dan program pengajian. Analisis meliputi kursus universiti, kursus wajib fakulti dan jabatan, kursus elektif, serta aktiviti sokongan seperti ceramah kerjaya, program Finishing School, lawatan industri, kem bahasa dan program pembangunan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kurikulum yang komprehensif dan progresif, apabila disepadukan dengan aktiviti sokongan berorientasikan industri serta pembelajaran berasaskan pengalaman, mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan kompetensi linguistik, kecekapan terjemahan dan kemahiran insaniah pelajar. Penguasaan bahasa Arab dan kemahiran terjemahan bukan sahaja menyokong kecemerlangan akademik, malah menjadi aset profesional yang meningkatkan daya saing graduan dalam pelbagai sektor pekerjaan seperti pendidikan, penterjemahan, komunikasi, media dan perkhidmatan antarabangsa. Kajian ini menegaskan kepentingan penyelarasan kurikulum dengan keperluan industri serta pengukuhan jaringan strategik antara institusi pendidikan dan pihak berkepentingan bagi melahirkan graduan yang lebih kompeten, adaptif dan berdaya saing. Keunikan kajian ini terletak pada analisis integratif antara kurikulum bahasa Arab, latihan terjemahan dan aktiviti sokongan berorientasikan industri dalam memperkasakan kebolehpasaran graduan bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam.

Kata kunci: Keterampilan Bahasa Arab; Keterampilan Terjemahan; Kebolehpasaran Graduan; Kurikulum; Pengajian Arab dan Tamadun Islam.

Abstract

Graduate employability has become an increasingly important issue due to the growing gap between academic achievement and the actual demands of the labour market. In the context of the Arabic Studies and Islamic Civilization Programme, proficiency in the Arabic language and translation skills is among the key competencies that have the potential to enhance graduates' employability. Therefore, this article aims to identify the courses and activities related to language and translation competencies that are implemented to strengthen graduate employability while also examining the integration of academic curricula and supporting activities in the development of students' professional skills. This study adopts a qualitative approach through document analysis involving the Undergraduate Handbook of the Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), as well as reports on student development activities at the university, faculty, and programme levels. The analysis covers university courses, compulsory faculty and departmental courses, elective courses, and supporting activities such as career talks, Finishing School programmes, industrial visits, language camps, and student development programmes. The findings reveal that a comprehensive and progressive curriculum, when integrated with industry-oriented supporting activities and experiential learning approaches, contributes significantly to the development of students' linguistic competence, translation proficiency, and soft skills. Mastery of the Arabic language and translation skills not only supports academic excellence but also serves as a professional asset that enhances graduates' competitiveness across various employment sectors, including education, translation, communication, media, and international services. This study highlights the importance of aligning academic curricula with industry needs and strengthening strategic networks between educational institutions and stakeholders in order to produce graduates who are more competent, adaptable, and competitive. The uniqueness of this study lies in its integrative analysis of Arabic language curricula, translation training, and industry-oriented supporting activities in enhancing the employability of graduates in the field of Arabic Studies and Islamic Civilization.

Keywords: *Arabic Language Proficiency; Translation Skills; Graduate Employability; Curriculum; Arabic Studies and Islamic Civilization.*

Article Received:
15 April 2026

Article Reviewed:
7 May 2026

Article Published:
15 June 2026

PENGENALAN

Dalam era globalisasi dan persaingan kerjaya yang semakin mencabar, keterampilan bahasa dan kecekapan dalam penterjemahan merupakan aset penting yang boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan. Bagi graduan dalam bidang Pengajian Arab dan Tamadun Islam, kebolehan menguasai bahasa Arab dan menterjemah dengan tepat bukan sahaja menjadi bukti kecekapan akademik, malah juga membuka peluang kerjaya dalam pelbagai sektor profesional seperti pendidikan, penyiaran, pentadbiran awam, diplomasi, dan penterjemahan profesional (Nur Dini Eznee & Mohamad Isa, 2022). Ini selaras dengan keperluan pasaran kerja masa kini yang memerlukan graduan mempunyai pelbagai kemahiran insaniah, antaranya kemahiran komunikasi, penguasaan bahasa, dan pemahaman silang budaya.

Keterampilan dalam terjemahan bahasa Arab bukan sekadar proses pemindahan makna, tetapi memerlukan pemahaman yang mendalam tentang struktur bahasa dan konteks budaya sumber dan sasaran. Kecekapan budaya merupakan elemen penting dalam proses terjemahan Arab-Melayu kerana ketepatan makna sangat bergantung kepada pemahaman budaya sumber dan sasaran (Nazirah & Idris, 2021). Sejarah membuktikan bahawa keterampilan dalam bahasa dan terjemahan telah memainkan peranan penting sejak zaman awal tamadun Islam, dengan tokoh seperti Hunayn Ibn Ishaq menterjemah ilmu dari dunia Yunani ke dunia Arab, manakala di Alam Melayu, aktiviti menterjemah karya Arab ke dalam bahasa Melayu sejak zaman kesultanan telah memberi sumbangan besar kepada perkembangan sains dan agama (Ahmad Fakhurrrazi, 2020).

Namun begitu, dalam era digital masa kini, timbul persoalan tentang sejauh mana graduan Pengajian Arab dan Tamadun Islam benar-benar bersedia untuk memanfaatkan keterampilan bahasa dan terjemahan mereka dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif. Penelitian terhadap kajian-kajian lepas menunjukkan wujudnya jurang yang ketara antara penguasaan akademik pelajar dengan keperluan praktikal industri, khususnya dalam aspek

keterampilan bahasa Arab dan kemahiran terjemahan. Keadaan ini menuntut penelitian yang lebih sistematik bagi menilai sejauh mana program pengajian mampu melahirkan graduan yang kompeten, berdaya saing, dan relevan dengan kehendak industri semasa.

Kajian literatur menunjukkan bahawa keterampilan merupakan elemen penting dalam membentuk graduan yang berkualiti. Noor Afzaliza Nazira dan Maizatul Haizan (2021) menyatakan bahawa keterampilan peribadi seperti komunikasi berkesan dan pengurusan masa memainkan peranan signifikan dalam kebolehpasaran pelajar. Namun begitu, dalam konteks pengajian Islam dan Arab, banyak kajian menumpukan kepada aspek akademik dan penguasaan teori semata-mata tanpa memberi perhatian mendalam terhadap aspek praktikal keterampilan bahasa dan terjemahan. Sebagai contoh, kajian Nazirah dan Idris (2021) menekankan bahawa penguasaan budaya adalah komponen penting dalam terjemahan Arab-Melayu, tetapi tidak ramai pelajar didedahkan dengan amalan terjemahan dalam konteks silang budaya yang sebenar. Perkara ini turut disahkan oleh Nik Norimah et al. (2023) dalam kajian mereka tentang penggunaan teori relevans dalam menangani makna figuratif dalam karya sastera, yang menunjukkan bahawa terjemahan berkualiti memerlukan pemahaman mendalam terhadap konteks budaya sumber dan sasaran untuk mengelakkan salah tafsir makna.

Permasalahan ini juga dikuatkan dengan kajian Muhammad Luqman dan Zulazhan (2021) yang meneliti ketidaktepatan dalam terjemahan eufemisme al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Ketidakecapan pelajar dalam memahami maksud konotatif dan literal teks Arab menyebabkan maklumat disalahtafsir sehingga menjejaskan kredibiliti dan profesionalisme mereka sebagai penterjemah. Ini menunjukkan keperluan mendesak untuk memperkukuh latihan linguistik dan teknik penterjemahan dalam program pengajian agar graduan lebih bersedia menghadapi realiti industri termasuk dalam bidang penerbitan, penyelidikan, dan pengajaran. Kajian oleh Muhammad Luqman dan Nurazan (2024) serta Dewi Saputri et al. (2024) turut menyokong penggunaan pendekatan kontekstual dan tafsiriah bagi mengekalkan makna, fungsi bahasa, dan nuansa gaya dalam terjemahan teks keagamaan, yang menunjukkan bahawa pendekatan literal semata-mata tidak mencukupi.

Dalam konteks dunia pekerjaan masa kini, kemahiran komunikasi dalam pelbagai bahasa termasuk bahasa ibunda, Arab dan Inggeris merupakan nilai tambah yang dicari oleh majikan. Nurul Wardah Nazifah, Muhammad Hafizzudin dan Hawa (2025) menyatakan bahawa kecekapan bahasa yang merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis menjadi asas kepada kompetensi komunikasi dan kebolehpasaran graduan. Dapatan ini disokong oleh Muhammad Safuan et al. (2021) yang menegaskan bahawa kebolehan berkomunikasi dalam pelbagai bahasa dapat meningkatkan interaksi profesional dan persefahaman antara budaya di tempat kerja. Justeru, penguasaan bahasa perlu diperkukuh secara sistematik dalam kurikulum universiti bagi melahirkan graduan yang lebih berdaya saing.

Dari aspek kebolehpasaran, Noor Malinjasari et al. (2021) menjelaskan bahawa faktor seperti kompetensi graduan, kehendak majikan, kurikulum, universiti, dan kompetensi pendidik merupakan antara penentu utama tahap kebolehpasaran. Namun, terdapat ketidakpadanan antara kemahiran yang dibina semasa pengajian dan apa yang diperlukan oleh industri sebenar. Sebagai contoh, graduan dalam bidang ini sering dilihat sebagai kurang memiliki kemahiran insaniah dan teknikal seperti kemampuan menterjemah teks dengan tepat dan menyampaikan kandungan dalam bentuk profesional. Kajian oleh Samsul et al. (2023) turut mengenal pasti ketidaksepadanan antara bidang pengajian dan keperluan industri, kemahiran komunikasi yang terhad dalam kalangan graduan, serta persepsi negatif majikan terhadap kebolehan graduan baharu. Nor Sheila dan Abd Majid (2022) menekankan isu modal insan sebagai cabaran utama manakala Zamry Ahmad dan Nur Ashikin (2021) mencadangkan penilaian program secara berkala bagi memastikan pematuhan permintaan pasaran.

Walaupun aplikasi terjemahan mesin seperti Google Translate semakin meluas digunakan, namun pelbagai kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi tersebut masih berhadapan dengan kekangan dari segi ketepatan makna, pemahaman konteks dan pengolahan teks kompleks (Hidayatul Khoiriyah, 2020; Sudarmaji et al., 2023; Refika Andriani et al., 2023; Salsabila Zahra et al., 2024). Keadaan ini membuktikan bahawa teknologi terjemahan boleh berfungsi sebagai alat sokongan tetapi belum mampu menggantikan sepenuhnya kepakaran penterjemah manusia, khususnya dalam teks yang memerlukan sensitiviti bahasa dan budaya. Oleh itu, penguasaan kemahiran terjemahan yang profesional

terus menjadi kelebihan kompetitif yang dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam industri bahasa dan komunikasi.

Sebagai pencetus kepada perbincangan yang lebih mendalam, Regina Febriani et al. (2024) menyatakan bahawa teknik terjemahan harus diajar secara sistematik dengan pendekatan pedagogi moden supaya penterjemahan menjadi lebih berkesan dan berkualiti. Tambahan pula, menurut Anis Shahirah (2022), isu budaya dan bahasa dalam konteks penterjemahan label makanan membuktikan bahawa penterjemahan bukan sekadar proses linguistik, malah menyentuh sensitiviti sosial, nilai, dan persepsi pengguna antarabangsa. Kajian oleh Mazlan et al. (2020) dan Riksan Herdiana et al. (2022) turut membuktikan bahawa unsur budaya dan sistem bahasa yang berbeza memerlukan strategi terjemahan yang fleksibel dan kontekstual. Hal ini menunjukkan bahawa terjemahan bukan sekadar proses linguistik, malah melibatkan sensitiviti budaya yang mendalam, sekaligus memerlukan satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih menyeluruh untuk membangunkan keterampilan ini di institusi pengajian tinggi.

Bertitik tolak dari pelbagai cabaran dan permasalahan yang telah dibincangkan, maka kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti kursus dan aktiviti yang dilaksanakan dalam program Pengajian Arab dan Tamadun Islam yang dapat menyumbang kepada peningkatan keterampilan bahasa dan terjemahan serta kebolehpasaran graduan. Kajian ini penting kerana ia dapat memberi maklum balas yang membina kepada institusi pengajian tinggi bagi memantapkan kurikulum pengajian bahasa Arab dan bidang terjemahan agar lebih relevan dengan kehendak majikan dan meningkatkan peluang kerjaya graduan. Selain itu, ia juga menyumbang kepada pembangunan sumber manusia dalam bidang pengajian Islam yang kompeten dan versatil.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif berikut:

1. Mengetahui kursus yang ditawarkan dalam Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam yang dapat meningkatkan keterampilan bahasa dan terjemahan dalam kalangan pelajar.
2. Menganalisis aktiviti keterampilan bahasa dan terjemahan yang boleh meningkatkan kebolehpasaran graduan Pengajian Arab dan Tamadun Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif berasaskan analisis dokumen dan kajian literatur. Pendekatan ini dipilih bagi mengenal pasti kursus dalam Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam yang menyumbang kepada pembangunan keterampilan bahasa dan terjemahan, serta menganalisis aktiviti sokongan yang berpotensi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Data dikumpulkan daripada sumber sekunder yang autoritatif, iaitu Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Sesi Akademik 2025/2026, laman web dan media sosial rasmi Pusat Pembangunan Kerjaya UKM, Fakulti Pengajian Islam dan Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam (ArabiC), serta artikel jurnal dan buku berkaitan yang diperolehi melalui pangkalan data seperti Google Scholar, MyJurnal dan Scopus.

Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik. Proses ini melibatkan pengenalan dan pengelompokan tema utama yang berkaitan dengan: (i) struktur kursus yang membina kemahiran bahasa dan terjemahan secara progresif, (ii) bentuk aktiviti sokongan yang menghubungkan pelajar dengan keperluan industri, dan (iii) tahap integrasi kemahiran terjemahan dalam kurikulum dan program pembangunan pelajar. Dapatan seterusnya dirumuskan bagi menjawab objektif kajian dan mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam memperkasa kebolehpasaran graduan.

DEFINISI KETERAMPILAN DAN KEBOLEHPASARAN

Keterampilan merujuk kepada keupayaan, kemahiran dan kepakaran seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu tugas, aktiviti atau proses secara cekap, tepat dan berkesan. Konsep ini melibatkan gabungan pengetahuan, kemahiran praktikal, sikap, nilai dan pengalaman yang membolehkan individu menyelesaikan masalah serta berinteraksi secara efektif dalam pelbagai situasi akademik, sosial dan profesional. Keterampilan bukanlah bakat semula jadi semata-mata, sebaliknya boleh dibentuk dan diperkembangkan melalui latihan, pengalaman dan proses pembelajaran yang berterusan (Kamus Dewan, 2015; Oxford English Dictionary, 2023; Cambridge Dictionary, 2023). Menurut Jano, Wellem dan Mone (2023), keterampilan merujuk kepada keupayaan individu melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan mudah, tepat dan berkesan, manakala Yahya Buntat (2004) menegaskan bahawa keterampilan merangkumi kemahiran komunikasi, hubungan interpersonal, penggunaan teknologi dan kemahiran budaya yang diperlukan dalam kehidupan dan pekerjaan.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN, 2005), antara salah satu kriteria utama pemilihan pekerja oleh majikan ialah kemahiran komunikasi. Tanpa keterampilan dalam komunikasi, para graduan akan berdepan dengan kesukaran mendapatkan pekerjaan walaupun memiliki kecemerlangan akademik. Malah dalam proses pemilihan pekerja, majikan lebih mengutamakan keupayaan berkomunikasi berbanding kecemerlangan akademik (Marlina et al., 2005 dan Musalmah, 2005),

Kebolehpasaran graduan ditakrifkan sebagai keupayaan graduan memperoleh, mengekalkan dan menyesuaikan diri dengan pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang pengajian serta keperluan industri. Konsep ini merangkumi gabungan kemahiran teknikal, kemahiran insaniah, kebolehan berkomunikasi, keupayaan menyelesaikan masalah, kemahiran menyesuaikan diri dan kesediaan menghadapi perubahan dalam dunia pekerjaan. Noor Malinjasari (2021) menjelaskan bahawa kebolehpasaran graduan dipengaruhi oleh kualiti graduan, kurikulum, keperluan majikan dan kecekapan pengajar. Dalam konteks pendidikan tinggi, kebolehpasaran bukan hanya diukur melalui pencapaian akademik, tetapi turut melibatkan penguasaan keterampilan peribadi, kemahiran komunikasi dan keupayaan mengaplikasikan ilmu dalam situasi sebenar pekerjaan (Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan, 2021).

Konsep kebolehpasaran (*employability*) sering dikaitkan dengan penguasaan pelbagai kemahiran yang diperlukan untuk memperoleh dan mengekalkan pekerjaan. Menurut Gainer (1988), kemahiran kebolehpasaran merangkumi tiga dimensi utama, iaitu keterampilan individu seperti kemahiran komunikasi dan budaya, kebolehpercayaan individu yang melibatkan etika kerja serta pengurusan diri, dan kemahiran penyesuaian ekonomi seperti penyelesaian masalah, pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kerjaya. Sementara itu, Lankard (1990) menegaskan bahawa kebolehpasaran turut melibatkan aspek personaliti, kemahiran interpersonal serta sikap positif yang diperlukan dalam persekitaran kerja yang dinamik. Selaras dengan pandangan tersebut, Saterfiel dan McLarty (1995) mentakrifkan kebolehpasaran sebagai himpunan kemahiran yang membolehkan seseorang individu memenuhi tuntutan pekerjaan dan menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan industri. Oleh itu, kebolehpasaran graduan bukan sahaja bergantung pada kelayakan akademik, malah turut dipengaruhi oleh penguasaan kemahiran insaniah, interpersonal dan profesional yang relevan dengan pasaran kerja.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian berdasarkan analisis dokumen yang dijalankan, selaras dengan tiga objektif kajian yang telah ditetapkan.

Kursus yang Menyumbang Kepada Peningkatan Keterampilan Bahasa dan Terjemahan

Analisis ini disusun selaras dengan tiga objektif kajian, iaitu mengenal pasti kursus yang menyumbang kepada peningkatan keterampilan bahasa dan terjemahan, menganalisis aktiviti keterampilan yang menyokong kebolehpasaran graduan, serta mencadangkan

penambahbaikan terhadap aktiviti pembelajaran (Fakulti Pengajian Islam UKM, 2025; Noor Malinjasari et al., 2021).

1. Peringkat Universiti (Kursus Citra)

Pada peringkat universiti, kursus citra seperti Bahasa Arab Komunikasi dan kursus asas terjemahan berfungsi sebagai platform awal untuk memperkenalkan pelajar kepada struktur asas bahasa Arab. Kursus ini bukan sahaja memberi penekanan kepada penguasaan kosa kata dan tatabahasa asas, malah turut membina kemahiran komunikasi interpersonal, pemikiran kritis, dan kemahiran pembelajaran sendiri. Kemahiran ini penting kerana proses terjemahan bukan sekadar melibatkan pemindahan bahasa secara literal, tetapi memerlukan keupayaan memahami makna tersirat, konteks, dan fungsi komunikasi sesuatu teks (Dian Febrianingsih, 2021; Nazirah & Idris, 2021).

Selain itu, kursus citra juga memainkan peranan penting dalam menyediakan asas literasi akademik yang kukuh, terutamanya bagi pelajar yang datang daripada latar belakang pendidikan bahasa Arab yang berbeza. Pendedahan awal ini membantu mengurangkan jurang penguasaan bahasa dan memastikan pelajar mempunyai tahap kesediaan yang mencukupi sebelum mengikuti kursus yang lebih kompleks di peringkat seterusnya (Erwin Harianto, 2020; Nasihudin & Hariyadin, 2021).

2. Peringkat Fakulti (Kursus Wajib Fakulti - WF)

Kursus Wajib Fakulti didapati memainkan peranan utama dalam membina kompetensi linguistik pelajar secara sistematik. Kursus seperti Bahasa Arab Praktikal (PPPY1012), Bahasa Arab Akademik Asas dan Lanjutan (PPPY1022 dan PPPY2012), serta Bahasa Arab Kerjaya (PPPY3012) menunjukkan perkembangan pembelajaran yang tersusun daripada tahap asas kepada tahap lanjutan (Fakulti Pengajian Islam UKM, 2025).

Pada peringkat awal, pelajar didedahkan kepada penggunaan bahasa dalam situasi komunikasi harian, yang membantu meningkatkan kefasihan dan keyakinan berbahasa. Seterusnya, kursus bahasa Arab akademik memberi penekanan kepada kemahiran membaca dan menganalisis teks ilmiah, serta kemahiran penulisan akademik yang penting dalam proses penterjemahan teks formal. Pada peringkat lebih tinggi, kursus Bahasa Arab Kerjaya pula memberi fokus kepada penggunaan bahasa dalam konteks profesional, seperti komunikasi organisasi, penulisan rasmi, dan analisis dokumen profesional (Dian Febrianingsih, 2021; Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan, 2021).

Struktur berperingkat ini menunjukkan bahawa pembangunan keterampilan bahasa pelajar dilaksanakan secara kumulatif, setiap kursus membina dan memperkukuh kemahiran yang diperolehi sebelumnya. Pendekatan ini selari dengan prinsip pemerolehan bahasa yang menekankan kepentingan pendedahan berterusan dan pengukuhan berperingkat dalam mencapai penguasaan bahasa yang mantap (Erwin Harianto, 2020; Nasihudin & Hariyadin, 2021).

3. Peringkat Jabatan (Kursus Wajib Jabatan dan Elektif Jabatan)

Pada peringkat jabatan, kursus yang ditawarkan lebih bersifat khusus dan mendalam, serta memberi fokus kepada pembangunan kompetensi linguistik dan terjemahan secara profesional (Fakulti Pengajian Islam UKM, 2025). Bagi keterampilan bahasa Arab, kursus wajib jabatan seperti Ilmu Nahu dan Saraf (PPAT1003) dan Linguistik Arab (PPAT2203) memberikan asas yang kukuh dalam memahami struktur bahasa Arab secara saintifik. Tiga kursus wajib jabatan berasaskan amali dan kemahiran seperti Kursus Mukhyyam Arabi Komunikasi (PPAT1211), Mukhyyam Silang Budaya (PPAT2001) dan Mukhyyam Kejaya (PPAT3002) menyediakan pembelajaran luar bilik kuliah yang membolehkan pelajar mengaplikasikan bahasa Arab dalam situasi sebenar melalui aktiviti perbualan, lakonan, pembentangan, temu bual, perdebatan dan interaksi silang budaya (Siti Maisarah, 2026 dan Nor Amalin, 2024). Menurut Muhammad Afiq (2026), tahap komunikasi, pengalaman dan keyakinan pelajar merupakan faktor yang saling berkait. Keterampilan komunikasi yang baik membolehkan pelajar menyampaikan idea dengan jelas, memahami perspektif budaya lain dan membina hubungan interpersonal yang berkualiti. Pengalaman pembelajaran melalui ketiga-tiga kursus Mukhyyam ini mampu meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk

berinteraksi secara merentas budaya di peringkat global (Maguire & Pitceathly, 2002 dan David, 1993).

Pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman ini berjaya meningkatkan kelancaran komunikasi, keberanian bertutur, penguasaan kosa kata serta kefahaman budaya Arab yang lebih mendalam (Syarifah Mariam, 2007 dan Ahmad et al., 2005). Penguasaan ilmu tatabahasa ini penting kerana ketepatan terjemahan sangat bergantung kepada kefahaman mendalam terhadap struktur bahasa sumber. Kursus elektif seperti Balaghah al-Quran dan al-Hadith (PPAT3123) pula membantu pelajar memahami aspek retorik, gaya bahasa, dan keindahan linguistik, yang merupakan elemen penting dalam menterjemah teks sastera dan keagamaan (Muhammad Luqman Ibnul Hakim & Zulazhan, 2021; Ahmad Fakhurrrazi, 2020).

Selain itu, kursus Tahkik Manuskrip (PPAT3333) memberi peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan teks klasik, sekali gus meningkatkan kemahiran analisis teks dan sensitiviti terhadap variasi bahasa. Program Mukhyyam Arabi pula menyediakan pengalaman pembelajaran imersif yang membolehkan pelajar mengaplikasikan bahasa Arab dalam situasi sebenar, sekali gus meningkatkan kefasihan dan kompetensi komunikasi silang budaya (Nur Syuhada et al., 2021; Burhanudin & Siti Rahmawati, 2023).

Bagi keterampilan terjemahan, kursus Pengantar Terjemahan Arab-Melayu-Arab (PPAT3013) memberi pendedahan kepada teori, konsep, dan strategi terjemahan, termasuk cabaran yang dihadapi dalam proses pemindahan makna antara bahasa. Kursus lanjutan seperti Amali Penterjemahan (PPAT4143) dan Bahasa Arab Media (PPAT4163) memberi latihan praktikal dalam menterjemah pelbagai jenis teks, termasuk teks media, berita, dan dokumen semasa (Nazirah & Idris, 2021; Muhammad Luqman Ibnul Hakim & Zulazhan, 2021). Walaupun bilangan kursus terjemahan adalah lebih kecil berbanding kursus bahasa, pendekatan ini menunjukkan strategi kurikulum yang menekankan penguasaan bahasa sebagai asas utama sebelum pelajar menguasai kemahiran terjemahan secara profesional (Nazirah & Idris, 2021).

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pembangunan keterampilan terjemahan dalam program ini dilaksanakan secara berperingkat dan berasaskan kompetensi linguistik yang kukuh, sekali gus menjawab objektif pertama kajian (Noor Malinjasari et al., 2021).

Aktiviti Keterampilan Bahasa dan Terjemahan yang Meningkatkan Kebolehpasaran

Analisis dokumen juga mendapati bahawa aktiviti sokongan yang dianjurkan oleh pihak universiti, fakulti, dan program memainkan peranan penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan (Syamhanim Ismail et al., 2021). Aktiviti seperti Ceramah Kerjaya, Finishing School, Hari Kerjaya, dan lawatan industri memberi peluang kepada pelajar untuk memahami keperluan sebenar pasaran kerja. Melalui aktiviti ini, pelajar dapat mengenal pasti kemahiran yang diperlukan oleh majikan, membina rangkaian profesional, dan meningkatkan kesediaan mereka untuk memasuki dunia pekerjaan (Noor Malinjasari et al., 2021).

Kajian oleh Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan (2021) juga menegaskan bahawa kemahiran komunikasi menjadi komponen utama keterampilan peribadi yang sangat diperlukan oleh majikan dalam proses pengambilan pekerja. Analisis regresi menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi bukan lisan seperti ekspresi muka, bahasa badan, intonasi suara dan pergerakan mata menyumbang hampir 37% terhadap pembentukan keterampilan peribadi pelajar. Dapatan ini membuktikan bahawa penguasaan komunikasi bukan sahaja membantu penyampaian mesej secara berkesan, malah membentuk keyakinan diri, kematangan, motivasi dan hubungan interpersonal yang baik, iaitu antara ciri yang diperlukan dalam pasaran pekerjaan masa kini.

Kajian ini turut menegaskan bahawa pencapaian akademik semata-mata tidak lagi mencukupi untuk menjamin kebolehpasaran graduan. Sebaliknya, majikan lebih mengutamakan graduan yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik, mampu berhujah secara meyakinkan, bekerja dalam pasukan, memimpin organisasi dan berinteraksi secara profesional. Penglibatan dalam aktiviti kokurikulum didapati berperanan penting dalam membangunkan kemahiran tersebut kerana ia menyediakan ruang untuk pelajar berlatih berkomunikasi, membina kepimpinan dan mengukuhkan kemahiran kerja berpasukan. Oleh itu, keterampilan bahasa dan komunikasi boleh dianggap sebagai modal insan yang

meningkatkan daya saing graduan serta membantu mereka menyesuaikan diri dengan keperluan industri dan alam pekerjaan yang semakin kompetitif.

Selain itu, kursus berkaitan kerjaya seperti Persediaan Alam Pekerjaan dan Pengurusan Kerjaya Pelajar membantu pelajar membina kemahiran praktikal seperti penulisan resume, komunikasi profesional, dan kemahiran menghadiri temuduga. Kemahiran ini merupakan elemen penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan (Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan, 2021; Nur Dini Eznee & Mohamad Isa, 2022).

Di peringkat fakulti dan program, aktiviti seperti konvensyen akademik, minggu bahasa Arab, bengkel kerjaya, dan webinar turut menyediakan platform untuk pelajar mempraktikkan kemahiran bahasa dalam konteks profesional. Aktiviti sokongan berbentuk kokurikulum dan kem bahasa Arab Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan penguasaan bahasa, tetapi juga membina keyakinan diri, kemahiran komunikasi, dan identiti profesional pelajar (Burhanudin & Siti Rahmawati, 2023).

Dapatan ini menunjukkan bahawa pembangunan keterampilan pelajar tidak hanya berlaku dalam bilik kuliah, tetapi turut diperkukuh melalui aktiviti sokongan yang memberi pengalaman pembelajaran autentik (Syamhanim Ismail et al., 2021).

Cadangan Penambahbaikan Aktiviti Pembelajaran

Berdasarkan analisis kurikulum dan aktiviti sedia ada, beberapa cadangan penambahbaikan dikenal pasti untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan pelajar, selari dengan objektif ketiga kajian (Noor Malinjasari et al., 2021):

- a. Pengukuhan Pendekatan Berpusatkan Pelajar: Memperbanyakkan pembelajaran berasaskan projek (PjBL) dan masalah (PBL) dalam kursus terjemahan, di mana pelajar menterjemah bahan autentik secara berkumpulan.
- b. Integrasi Teori dan Amali: Memastikan setiap teori linguistik atau terjemahan disertai dengan latihan amali yang relevan dan kontekstual.
- c. Pemanfaatan Teknologi: Memperkenalkan penggunaan Computer-Assisted Translation (CAT) tools dan perisian terjemahan lain, serta melatih pelajar untuk menilai dan menyunting hasil terjemahan mesin secara kritis.
- d. Penggunaan Bahan Autentik: Memperbanyakkan penggunaan teks dari media semasa, dokumen industri, dan karya sastera kontemporari dalam latihan terjemahan.
- e. Penilaian Autentik dan Berterusan: Menggunakan portfolio terjemahan, projek jangka panjang, dan penilaian rakan sebaya untuk menilai perkembangan pelajar secara menyeluruh.
- f. Pembangunan Kompetensi Budaya dan Etika: Memperkukuh perbincangan tentang isu sensitiviti budaya, etika penterjemah, dan kes Kajian kes dalam pembelajaran.
- g. Memperkukuh Kolaborasi Industri: Mewujudkan lebih banyak projek kolaboratif dengan agensi terjemahan, jabatan kerajaan, dan syarikat media untuk memberi pengalaman praktikal sebenar kepada pelajar.

PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan kajian ini menegaskan bahawa keterampilan bahasa Arab dan terjemahan merupakan komponen teras dalam pembentukan graduan Pengajian Arab dan Tamadun Islam yang kompeten dan berdaya saing. Analisis dokumen kurikulum dan aktiviti sokongan menunjukkan bahawa pembangunan kompetensi berlaku secara berstruktur dan progresif, merangkumi penguasaan linguistik, integrasi teori–amali terjemahan, serta pendedahan kepada konteks profesional. Dapatan ini selari dengan pandangan bahawa pembangunan kebolehpasaran graduan memerlukan integrasi antara kompetensi akademik dan keperluan industri (Noor Malinjasari et al., 2021; Nur Dini Eznee & Mohamad Isa, 2022).

Dominasi Kursus Bahasa Sebagai Asas Kompetensi Terjemahan

Bagi objektif pertama, dapatan menunjukkan bahawa dominasi kursus bahasa Arab berbanding kursus terjemahan bukanlah suatu kekurangan, sebaliknya merupakan asas penting dalam pembentukan kompetensi penterjemah. Keupayaan menterjemah yang berkualiti menuntut penguasaan mendalam terhadap aspek sintaksis, morfologi, semantik dan

pragmatik bahasa sumber serta bahasa sasaran. Tanpa asas linguistik yang kukuh, terjemahan cenderung bersifat literal dan gagal mencapai kesepadanan makna (Muhammad Luqman & Zulazhan, 2021; Nazirah & Idris, 2021).

Penekanan terhadap kursus nahu, saraf, linguistik dan balaghah membentuk kepekaan makna serta kefahaman terhadap struktur bahasa yang kompleks. Aspek retorik dan stilistik yang dipelajari melalui balaghah pula meningkatkan keupayaan pelajar memahami makna implisit dan fungsi komunikatif teks. Hal ini menyokong pandangan bahawa kompetensi terjemahan berkembang sebagai lanjutan kepada kematangan kompetensi linguistik (Ahmad Fakhurrrazi, 2020).

Kursus Terjemahan Sebagai Fasa Integratif

Kursus terjemahan pada peringkat akhir pengajian berperanan sebagai fasa integratif yang menyatukan pengetahuan linguistik dan teori terjemahan dalam konteks aplikasi sebenar. Kursus seperti Amali Penterjemahan dan Bahasa Arab Media menyediakan latihan berasaskan teks autentik serta simulasi tugas profesional. Pendekatan ini bertepatan dengan konsep pembelajaran berasaskan kompetensi dan pengalaman, yang meningkatkan keyakinan diri serta pembentukan identiti profesional pelajar (Noor Afzaliza Nazira & Maizatul Haizan, 2021). Struktur bertahap ini menunjukkan bahawa pembangunan keterampilan tidak berlaku secara terpisah, tetapi melalui kesinambungan pedagogi yang sistematik.

Raudzah Sheikh Salleh et al. (2024) menegaskan bahawa penterjemahan karya Sastera ke bahasa asing, memerlukan penguasaan keterampilan bahasa dan terjemahan yang tinggi kerana proses tersebut melibatkan pemindahan makna, budaya, gaya bahasa dan identiti masyarakat daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Beliau mendapati bahawa aspek bahasa, budaya dan pendekatan terjemahan dalam pasangan bahasa Melayu-Arab masih kurang diterokai secara empirikal, sekali gus menunjukkan keperluan terhadap graduan yang mempunyai kompetensi linguistik dan kemahiran terjemahan yang mantap. Penguasaan kedua-dua aspek ini bukan sahaja penting bagi menghasilkan terjemahan berkualiti, malah berpotensi meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam bidang penterjemahan, penerbitan, komunikasi antarabangsa dan industri bahasa yang semakin berkembang.

Aktiviti Sokongan Sebagai Pemangkin Kebolehpasaran

Bagi objektif kedua, dapatan memperlihatkan bahawa aktiviti sokongan memainkan peranan signifikan dalam merapatkan jurang antara pembelajaran akademik dan keperluan industri. Program seperti ceramah kerjaya, bengkel, webinar dan finishing school memberi pendedahan kepada realiti pasaran kerja serta jangkaan majikan (Syamhanim Ismail et al., 2021). Hal ini menyokong dapatan bahawa kebolehpasaran graduan berkait rapat dengan tahap kesediaan kerjaya dan pemahaman terhadap ekosistem pekerjaan (Nasihudin & Hariyadin, 2021).

Penglibatan pelajar dalam seminar, konvensyen, minggu bahasa Arab, kem bahasa serta pelbagai aktiviti kokurikulum didapati dapat meningkatkan kemahiran komunikasi profesional, keyakinan diri dan kebolehpasaran graduan. Burhanuddin dan Siti Rahmawati (2023) serta Hilman Imadul Umam dan Salma Hikmatul Jiddiyah (2021) menegaskan bahawa kebolehpasaran graduan bukan sahaja bergantung pada penguasaan ilmu, malah turut dipengaruhi oleh kemahiran insaniah, komunikasi interpersonal dan keupayaan menyesuaikan diri dengan persekitaran profesional. Aktiviti-aktiviti ini juga membantu pelajar memahami realiti dunia pekerjaan serta meningkatkan kesediaan kerjaya mereka.

Penglibatan aktif dalam pembelajaran dan aktiviti luar bilik kuliah seperti pembentangan, perbincangan, debat dan penggunaan media Arab dapat memperkukuh keterampilan bahasa Arab serta meningkatkan keyakinan diri, kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kompetensi antara budaya. Pengalaman pembelajaran yang autentik dan imersif ini turut membangunkan kemahiran insaniah seperti kerja berpasukan, kepimpinan dan kebolehsuaian diri yang menjadi antara atribut penting bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dalam bidang komunikasi, penterjemahan dan pelbagai kerjaya profesional (Nor Fatini Aqilah, Kaseh & Lily Hanefarezan, 2024).

Integrasi Teknologi dan Keperluan Semasa Industri

Dapatan kajian turut mencadangkan keperluan memperluas integrasi teknologi dalam pembelajaran terjemahan. Perkembangan industri bahasa yang semakin bergantung kepada teknologi seperti perisian bantuan terjemahan dan terjemahan mesin menuntut pelajar menguasai literasi digital (Hidayatul Khoiriyah, 2020; Sudarmaji et al., 2023). Walau bagaimanapun, teknologi tidak boleh menggantikan sepenuhnya peranan penterjemah manusia, khususnya dalam menangani nuansa budaya dan makna implisit (Nazirah & Idris, 2021).

Selain itu, penggunaan bahan autentik dalam pengajaran terjemahan perlu diperkukuh kerana ia meningkatkan keupayaan pelajar berhadapan dengan teks sebenar serta membina kemahiran penyelesaian masalah (Noor Malinjasari et al., 2021; Nur Dini Eznee & Mohamad Isa, 2022). Pembangunan kompetensi budaya juga wajar diberi penekanan memandangkan terjemahan melibatkan pemindahan makna merentasi konteks sosial dan nilai budaya.

Keterampilan bahasa dan terjemahan juga dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya teknologi. Kemajuan teknologi hari ini berperanan penting dalam mempengaruhi pencapaian keterampilan bahasa dan terjemahan pelajar. Penggunaan aplikasi pembelajaran bahasa, pelbagai platform e-pembelajaran, kecerdasan buatan (AI) dan pelbagai mesin terjemahan boleh dimanfaatkan bagi meningkatkan kecekapan berbahasa dan terjemahan di samping menyediakan akses kepada sumber dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik, kreatif, aktif dan interaktif (Muhamad Fais, 2025).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Pembangunan keterampilan bahasa dan terjemahan memerlukan pendekatan holistik yang menggabungkan asas linguistik yang kukuh, aplikasi praktikal, pendedahan industri dan integrasi teknologi. Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam telah menyediakan struktur asas yang mantap, namun pengukuhan berterusan melalui jaringan industri dan inovasi pedagogi akan meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan. Graduan yang memiliki penguasaan linguistik yang tinggi, kompetensi terjemahan yang matang dan kemahiran insaniah yang kukuh mempunyai kelebihan signifikan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif dan global.

Kajian ini merumuskan bahawa integrasi antara kurikulum akademik yang tersusun dan progresif dengan aktiviti sokongan yang bersifat praktikal merupakan pendekatan yang berkesan dalam melahirkan graduan Pengajian Arab dan Tamadun Islam yang holistik, kompeten, dan relevan dengan keperluan semasa. Program pengajian ini berjaya membina asas linguistik yang kukuh melalui pelbagai kursus bahasa, di samping menyediakan latihan terjemahan yang terfokus. Aktiviti sokongan seperti kem bahasa, minggu bahasa, seminar, bengkel, pertandingan bahasa dan program silang budaya pula berfungsi sebagai pelengkap kepada kurikulum akademik. Aktiviti seperti ini memainkan peranan kritikal dalam mengukuhkan kemahiran insaniah, membina keyakinan diri, dan memberi pendedahan realistik kepada dunia pekerjaan. Hal ini menyumbang secara langsung kepada peningkatan kebolehpasaran graduan Pengajian Arab dan Tamadun Islam dalam pelbagai sektor kerjaya seperti pendidikan, terjemahan, media, komunikasi, pelancongan dan industri berkaitan bahasa.

Gabungan pembelajaran teori dan pengalaman praktikal ini membolehkan pelajar menguasai bahasa Arab dan kemahiran terjemahan secara menyeluruh, merangkumi aspek linguistik, analitis, dan profesional. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong kecemerlangan akademik, malah meningkatkan kesiapsiagaan graduan untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan dunia pekerjaan yang semakin mencabar dan dinamik.

Sehubungan itu, institusi pengajian tinggi disarankan untuk terus memperkukuh penawaran kursus, memperluas jaringan kerjasama dengan industri, serta memantapkan inisiatif pembangunan kerjaya graduan secara berterusan. Kajian lanjutan secara empirikal, yang melibatkan soal selidik dan temu bual dengan graduan, pensyarah, dan majikan, amat diperlukan untuk menilai secara lebih tepat keberkesanan kurikulum dan aktiviti sokongan ini terhadap kebolehpasaran graduan di masa hadapan.

Novelti kajian ini terletak pada usaha mensintesis komponen kurikulum pengajian Arab, latihan penterjemahan dan aktiviti pembangunan profesional dalam satu kerangka yang

menjelaskan bagaimana ketiga-tiga elemen tersebut saling melengkapi dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan. Kajian ini turut menyumbang kepada bidang Kajian Asia Barat dengan mengetengahkan relevansi bahasa Arab dan terjemahan bukan sahaja sebagai bidang ilmu dan warisan tamadun, tetapi juga sebagai aset strategik yang mempunyai nilai ekonomi dan profesional dalam pasaran kerja kontemporari.

PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan geran universiti penyelidikan, kod projek: GUP-2025-028. Jutaan terima kasih kepada UKM kerana memberi dana bagi menjalankan kajian ini.

SUMBANGAN PENULIS

Konseptualisasi, Siti Maisarah dan Suhaila.; metodologi, Suhaila.; pengesahan, Nurul Iman dan Mohammad Jaber.; analisis formal, Siti Maisarah.; penyiasatan, Nurul Iman.; sumber, Suhaila. dan Mohammad Jaber.; kurasi data, Siti Maisarah dan Suhaila; penulisan—penyediaan draf asal, Siti Maisarah.; penulisan—semakan dan penyuntingan, Suhaila.; penyeliaan, Suhaila.; pemerolehan dana, Suhaila. Semua penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi akhir manuskrip yang dihantar.”

DEKLARASI PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN (AI)

Dalam penyediaan manuskrip ini, penulis hanya menggunakan [ChatGPT] bagi tujuan menterjemah abstrak bahasa Melayu ke bahasa Inggeris serta menyemak makna beberapa istilah atau perkataan yang tidak difahami. Bagaimanapun selepas penggunaan alat ini, penulis telah menyemak semula dan menyunting kandungan dengan sewajarnya serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kandungan yang diterbitkan.

PERTENTANGAN KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan, sama ada bersifat kewangan, peribadi atau profesional, yang boleh mempengaruhi kajian ini.

KENYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data diperolehi daripada sumber awam yang boleh diakses secara terbuka dan tidak mengandungi maklumat pengenalan peribadi. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

RUJUKAN

- Ahmad Fakhurrizi & Zyaul Haqqi. (2020). Pengenalan Awal Tafsir Al-Quran Al-Karim dan Terjemahan Bebas Bersajak Dalam Bahasa Aceh Karya Syeikh Mahjiddin Jusuf. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 146–160.
- Anis Shahirah Abdul Sukur. 2022. Isu Bahasa dan Budaya Dalam Penterjemahan Label Makanan. *PENDETA* 13(1): 58–69.
- Burhanudin Abdul Karim Mantau & Siti Rahmawati Talango. (2023). Pengintegrasian Keterampilan Abad Ke-21 Dalam Proses Pembelajaran (Literature Review). *Irfani: Jurnal Pendidikan Islam*, 19(1), 86–107.

- Dewi Saputri, Nova Lisa Aisyah & Windy Indriani. 2024. Perbandingan Gaya Bahasa Dalam Terjemahan Surah Al-Fatihah oleh K.H. Abdullah Syafii Maarif dan M. Quraish Shihab. *Journal Islamic Education* 3(1): 77–91.
- Dian Febrianingsih. (2021). Keterampilan Membaca Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *SALIMIYA: Jurnal Studi Ilmu Keagamaan Islam*, 2(2), 21–39.
- Dziatul Nadiah. (2020). Keberkesanan Latihan Industri Graduan Diploma Pengurusan Perhotelan, KUIM (Kohort 35 & 36): Tinjauan Dari Perspektif Majikan. *Journal of Hospitality and Networks*, 1, 45–52.
- Erwin Harianto. (2020). Keterampilan Membaca Dalam Pembelajaran Bahasa. *Jurnal Didaktika*, 9(1), 1–8.
- Fakulti Pengajian Islam UKM. (2025). *Buku Panduan Prasiswazah Fakulti Pengajian Islam Sesi Akademik 2025/2026*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gainer, L. (1988). *Astin's employability skills model*. Ottawa: Conference Board of Canada.
- Hidayatul Khoiriyah. (2020). Kualitas hasil terjemahan Google Translate dari bahasa Arab ke bahasa Indonesia. *Jurnal Al-Mi'yar*, 3(1), 127–150.
- Hilman Imadul Umam & Salma Hikmatul Jiddiyah. (2021). Pengaruh Pembelajaran Berbasis Projek Terhadap Keterampilan Berfikir Kreatif Ilmiah Sebagai Salah Satu Keterampilan Abad ke-21. *Jurnal BASICEDU*, 5(1), 350–356.
- Lankard, B. A. (1990). *Employability—The Fifth Basic Skill*. Columbus, OH: ERIC Clearinghouse on Adult, Career, and Vocational Education. <https://eric.ed.gov/id=ED325659>.
- Maheram Ahmad (2024). Terjemahan sebagai Komunikasi antara Budaya. Dalam Suhaila Zailani @ Hj Ahmad, Lily Hanefarezan Asbulah & Kaseh Abu Bakar (Pnyunt.). *Landskap Bahasa dan Sastera Arab-Melayu*. Parit Raja: Penerbit UTHM.
- Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). (2005). Laporan Pembangunan Modal Insan dan Kebolehpasaran Graduan di Malaysia. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Mazlan Ahmad, Wan Rose Eliza Abdul Rahman & Anis Shahirah Abdul Sukur. 2020. Analisis Terjemahan Perkataan Budaya Berkaitan Makanan dan Minuman dalam Buku Bergambar Bijak Si Katak Bijak ke Bahasa Jepun. *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(3): 17-31.
- Muhamad Fais Mohd Yusoff. (2025). Strategi Pembelajaran Morfologi Arab dalam Meningkatkan Keterampilan Barbahasa. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Afiq Lokman (2026). Tahap Keterampilan Antarabangsa dalam Kalangan Pelajar Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad & Zulazhan Ab. Halim. (2021). Ketidaktepatan Terjemahan Eufemisme Dalam Al-Quran ke Bahasa Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(3), 47–61.
- Muhammad Safuan Yusoff, Irma Wani Othman, Herlina Jupiter & Saifulazry Mokhtar. (2021). Penguasaan Bahasa Ibunda Sebagai Medium Komunikasi Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6(41), 38–54.
- Nasihudin & Hariyadin. (2021). Pengembangan Keterampilan Dalam Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Indonesia*, 2(4), 733-743.
- Nazirah Radin Salim & Idris Mansor. (2021). Penguasaan Kecekapan Budaya dalam Terjemahan Arab-Melayu. *Journal of Language Studies*, 21(2), 111-134.
- Nik Norimah Tuan Mat, Noor Eliza Abd Rahman, Azman Che Mat. (2023). Penelitian Literatur Terhadap Penerapan Teori Relevans Untuk Menangani Makna Figuratif dalam Karya Sastera Terjemahan Arab-Melayu dan Karya Sastera Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, Vol. 6 (1): 132-150.
- Noor Afzaliza Nazira Ibrahim & Maizatul Haizan Mahbob. (2021). Keterampilan Peribadi Pelajar Sebagai Satu Bentuk Kemahiran Komunikasi dan Kepentingannya Dalam Pasaran Dunia Pekerjaan. *Jurnal Komunikasi*, 37(1), 209–226.
- Noor Malinjasari Ali, Suzila Mat Salleh, Kardina Kamaruddin & Hasmi Mokhlas. (2021). Kupasan Awal Mengenai Kebolehpasaran Graduan di Malaysia: Kualiti Graduan, Faktor Majikan, Kurikulum Universiti dan Kompetensi Pendidik. *Borneo Akademika*, 5(2), 47-58.

- Nor Amalin Mohd Bukhari (2024). Kerberkesanan Mukhayyam Arabi Komunikasi dalam Meningkatkan Kemahiran Komunikasi. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Fatini Aqilah Mohamad Soad, Kaseh Abu Bakar, Lily Hanefarezan Asbullah. 2024. Enjoyment and engagement of Malaysian learners in Arabic studies programme. *International Journal of West Asian Studies* 16: 18–32.
- Nur Dini Eznee Ramzy Rameshan & Mohamad Isa Hamzah. (2022). Kepentingan Kemahiran Insaniah Terhadap Kebolehpasaran Graduan di Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(2), 240–251.
- Nur Syuhada, Md Nor, Hakim & Maheram. (2021). Terjemahan Masdar dalam Kitab Riyad Al-Salihin. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities*, 4(2), 11-25.
- Nurul Arba, Widyasari Widyasari, Yudi Efendi & Wuri Syaputri. (2023). Analisa Hasil Terjemahan Google Translate Dalam Lirik Lagu “To The Bone” Oleh Pamungkas. *Jurnal Pembahsi (Pembelajaran Bahasa Dan Sastra Indonesia)* 13(1):55-67. DOI:10.31851/pembahsi.v13i1.11874
- Nurul Wardah Nazifah Razali, Muhammad Hafizzudin Zakaria, Hawa Alias. 2025. Pelaksanaan CEFR A1 dalam modul *Marhaban: al-Lughah al-'Arabiyyah 1* terbitan Universiti Sultan Azlan Shah. *International Journal of West Asian Studies* 17: 1–15.
- Raudzah Sheikh Salleh, Suhaila Zailani @ Hj Ahmad, Maheram Ahmad & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin. 2024. *Sorotan literatur penterjemahan komik Melayu ke bahasa asing*. *International Journal of West Asian Studies* 16: 243–251.
- Refika Andriani, Ribut Wahyu Eriyanti & Atok Miftachul Huda. 2023. Problem Dalam Menggunakan Mesin Terjemahan: Error dalam Menterjemahkan Teks Bahasa Inggris ke dalam Bahasa Indonesia. *INNOVATIVE: Journal of Social Science Research* 3(3): 4385-4395.
- Regina Febriani, Mega Febriani & Eneng Mulyanti. 2024. Memahami Metode Terjemahan Tata Bahasa: Potensi dan Tantangan dalam Konteks Pendidikan Bahasa Modern. *Karimah Tauhid* 3(4): 5721-5728.
- Riksan Herdiana, Zaka al-Farisi & Abdul Khalik. (2022). Perbandingan Penggunaan Deiksis Persona Dalam Terjemahan Bahasa Indonesia dan Bahasa Inggris pada Surat Al-Qashash. *Ta'lim al-Arabiyyah Jurnal Pendidikan Bahasa Arab & Kebahasaaraban* 6(1):106-124. DOI:10.15575/jpba.v6i1.16221
- Salsabila Zahra, dea Septiani & Rinaldi Supriadi. 2024. Analisis Metode Terjemahan Google Translate dari Teks Berita Bahasa Arab ke dalam Bahasa Indonesia. *Al-Fathin* 7(1): 1-12.
- Saterfiel, T. H., & McLarty, J. R. (1995). *Assessing employability skills*. *Journal of Vocational Education Research*, 20(3), 31–48.
- Siti Maisarah Mohd Zaidi (2026). Keterampilan Bahasa dan Terjemahan Sebagai Aset Kebolehpasaran Graduan Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sudarmaji, Iman Santoso & Retna Endah Sri Mulyati. (2023). Analisis Kesalahan Hasil Terjemahan Mesin Penerjemah Teks Bahasa Jerman ke dalam Bahasa Indonesia. *DIGLOSIA: Jurnal Kajian Bahasa, Sastra dan Pengajarannya*, 6(2), 483-500.
- Supriadi, Amar Sani & Ikrar Putra Setiawan. (2020). Integrasi Nilai Karakter dalam Pembelajaran Keterampilan Menulis Siswa. *YUME: Journal of Management*, 3(3), 84-93.
- Syamhanim Ismail, Mimi Mohaffyza Mohamad & Nur Sofurah Mohd Faiz. (2021). Kebolehpasaran Siswazah Melalui Pendekatan Pembelajaran Berasaskan kerja di Politeknik. *Sains Insani*, 6(2), 193-200.
- Utami Azzahra, Fitri Arsih & Heffi Alberida. (2023). Pengaruh Model Pembelajaran Project-Based Learning (PBL) Terhadap Keterampilan Berpikir Kreatif Peserta Didik Pada Pembelajaran Biologi: Literature Review. *BIOCEPHY: Journal of Science Education*, 3(1), 49–60.
- Yahya Buntat. (2004). *Integrasi Kemahiran Employability dalam Program Pendidikan Vokasional Pertanian dan Industri di Malaysia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.